

PM Ucap Tahniah Kepada Calon PT3
Bernama
Dec 22, 2014

KUALA LUMPUR, 22 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan tahniah kepada kira-kira 460,000 pelajar seluruh negara yang menerima keputusan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) Isnin.

"Keputusan PT3 baru diumumkan hari ini. Tahniah kepada semua dan teruskan usaha anda untuk mencapai kejayaan," katanya dalam status terbaharu laman Facebook beliau Isnin.

Seramai 453,413 calon di seluruh negara yang telah menduduki ujian PT3 di 2,608 pusat peperiksaan pada Oktober lepas, menerima keputusan mereka Isnin.

Tahun ini merupakan kali pertama PT3 dilaksanakan bagi menggantikan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang diperkenalkan sejak 1993.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1095508>